



SIARAN AKHBAR

REMITTANCE@SECONDS DIARAHKAN UNTUK MENGHENTIKAN PENERIMAAN WANG BAGI URUSAN KIRIMAN WANG

1. Brunei Darussalam Central Bank (BDCB), dengan kuasa di bawah Bab 54 Perintah BDCB, 2010, telah mengarahkan pemegang lesennya, Remittance@Seconds, untuk menghentikan penerimaan wang daripada orang ramai bagi tujuan kiriman wang bermula 4 Oktober 2024.
2. Perniagaan berkenaan telah gagal untuk mematuhi beberapa syarat lesen perniagaan kiriman wang yang ditetapkan oleh BDCB, termasuk membenarkan pekerja yang tidak diberi kuasa untuk menjalankan perniagaan kiriman wang bagi pihak Remittance@Seconds. Perniagaan tersebut juga didapati tidak mempunyai sumber-sumber, kawalan dalaman dan prosedur yang mencukupi demi menjaga kepentingan pelanggan.
3. Arahan ini akan berkuatkuasa hingga BDCB berpuas hati terhadap pelaksanaan langkah-langkah pembaikan bersesuaian dan teratur yang diambil oleh perniagaan tersebut.
4. BDCB akan memantau situasi ini secara berterusan dan, jika perlu, akan mengambil tindakan yang sewajarnya demi menjaga kepentingan orang ramai dan memastikan kestabilan kewangan Negara Brunei Darussalam.
5. Bagi sebarang pertanyaan, sila hubungi BDCB di talian +673 2381370 pada waktu pejabat atau e-mel infomcr@bdcdb.gov.bn.

Brunei Darussalam Central Bank

Tarikh: 30 Rabiulawal 1446H / 4 Oktober 2024M

Rujukan: BDCB/COMMS/3

Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) mempunyai empat objektif utama iaitu untuk: mencapai dan mengekalkan kestabilan harga domestik; memastikan kestabilan sistem kewangan, melalui peraturan kewangan dan piawaian yang berhemat; membantu dalam mengadakan sistem pembayaran yang cekap; dan menggalakkan dan mengembangkan sektor perkhidmatan kewangan yang kukuh serta progresif.